

# Netizen disarankan rujuk garis panduan CMCF

**KUALA LUMPUR** - Kesedaran mengenai kawal selia sendiri kalangan netizen di negara ini masih berkurangan berikutan peningkatan aduan insiden penyalahgunaan media sosial sejak kebelakangan ini.

Sehubungan itu, pensyarah Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohamad Rizal Abdul Rahman menyarankan agar netizen merujuk garis panduan yang disediakan Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) sebagai langkah untuk beretika dalam penggunaan internet.

Beliau berkata, template di laman sesawang CMCF boleh digunakan sebagai garis panduan untuk mengenal pasti kandungan yang mengancam, jelik, sumbang, lucah dan palsu.

"Kita boleh guna template ini untuk diri kita sendiri dan juga institusi kita.

"Jika anda ada sebuah organisasi dan anda hendak letakkan peraturan berkaitan kandungan internet, anda boleh adaptasi template tersebut bagi

kawal selia sendiri," katanya.

CMCF ialah sebuah badan bebas di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) yang ditugaskan untuk menguatkuasakan Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia di negara ini.

Kod Kandungan merupakan satu garis panduan industri untuk kegunaan atau penyebaran kandungan untuk penggunaan masyarakat.

Seksyen 211 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 menyatakan bahawa tiada Pembekal Perkhidmatan Kandungan Aplikasi wajib membekalkan kandungan yang tidak senonoh, kurang sopan, cabul, palsu, mengancam atau menyerang watak dengan berniat untuk mengganggu, menyalah guna dan mengusik seseorang.

Sementara Seksyen 213 di bawah akta tersebut menyatakan bahawa Kod Kandungan itu harus merangkumi prosedur untuk berurusan dengan kandungan yang menyinggung atau tidak senonoh,

menyekat penyediaan kandungan tidak sesuai, kaedah mengklasifikasikan kandungan, mewakili budaya dan identiti Malaysia.

Kod itu juga meliputi pengenalan, garis panduan mengenai kandungan, iklan, garis panduan khusus untuk penyiaran, garis panduan khusus dalam talian, garis panduan untuk perkhidmatan perumah teks audio dan garis panduan khusus bagi kandungan tertutup.

Sementara itu, Mohamad Rizal berkata, agensi berwajib berhak untuk menyekat kandungan atau laman sesawang yang melanggar Seksyen 211 dan 233 yang berniat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu individu, organisasi atau kerajaan.

"Namun, perihal komunikasi di Malaysia di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 tidak membenarkan penapisan, tetapi boleh disekat, sebagai contoh laman portal berita The Malaysian Insider yang melanggar undang-undang negara," katanya. - *Bernama*